

28 APR 1997

Mahathir-Getah

PENGGUNAAN GETAH DI PROJEK BESAR TEMPATAN TIDAK MENGGALAKKAN

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penggunaan barangan getah tempatan tidak menggalakkan dalam beberapa projek besar yang sedang dilaksanakan.

Besar kemungkinan keadaan itu berlaku kerana para perunding, arkitek dan jurutera tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya, kata beliau.

Ketika berucap merasmikan Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia di sini Dr Mahathir berharap bagi projek-projek besar yang sedang dirancangan, pihak berkenaan serta pembuat-pembuat dasar yang lain didedahkan kepada barangan keluaran Malaysia.

"Kita hendaklah memberi kepercayaan terhadap penggunaan bahan-bahan berasaskan getah asli kita, bukan sahaja di projek-projek berkenaan malah untuk projek pembangunan keseluruhannya. Saya harap pada masa akan datang penggunaan barangan keluaran kita akan diberi penekanan sewajarnya dalam projek-projek pembangunan," kata beliau.

"Jika kita tidak sanggup menggunakan barangan buatan kita, sudah tentu orang asing akan kurang percaya kepada barangan kita."

Mengenai Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia yang dirasminya di perkarangan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh, beliau berkata pusat tersebut akan menjadi satu sumber maklumat dan rujukan kepada mereka yang berminat dengan pembuatan barangan getah.

Pusat itu juga akan mendedahkan usahawan tempatan dan menarik minat mereka untuk mencebur diri dalam pembuatan barangan berasaskan getah.

Getah boleh digunakan untuk membuat hampir 10,000 jenis barangan tetapi daripada jumlah ini, hanya sebahagian kecil sahaja di keluarkan di Malaysia, katanya.

Dr Mahathir juga berkata kewujudan pusat pameran, di tengah-tengah sebuah "bandar raya getah" yang akan dibangunkan secara penswastaan tidak lama lagi di sebahagian kawasan RRIM, adalah sebagai pemangkin kepada perkembangan industri pembuatan barangan getah.

Di sini, usahawan, pekilang, pengguna, pengimport dan pengeksport serta penyelidik dapat ditemukan dalam usaha membawa sektor pembuatan barangan getah negara ke tahap yang lebih tinggi.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia masih mengeluarkan barangan untuk dibekalkan kepada pengedar antarabangsa yang memiliki jenama asing yang terkenal.

Barangan ini diterima sebagai barang buatan pengusaha asing dan biasanya keuntungan yang lebih diperolehi oleh mereka kerana jenama mereka dilekatkan kepada barangan ini.

"Sebaliknya kita sendiri yang mengeluarkan barangan ini dengan kualiti yang tinggi, tetapi mendapat keuntungan yang rendah," kata beliau sambil menambah bahawa masanya sudah tiba untuk Malaysia mencipta, mereka bentuk dan mengeluarkan barangan ini dengan jenama sendiri.

"Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh memasarkan barangan dengan jenama kita jika kualitinya sama dan harganya berpatutan.

"Lambat laun, barangan kita akan diterima dan jenama kita pula akan mempunyai premium yang tidak kurang daripada jenama asing," katanya. Malaysia sudah berjaya memasarkan Getah Mutu Malaysia (SMR) sebagai getah yang berkualiti.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini merupakan negara pengguna getah asli yang kelima terbesar di dunia dan menjadi negara terbesar dalam penggunaan

susu getah (lateks). Sebanyak 70 peratus daripada getah yang digunakan adalah dalam bentuk susu getah.

"Ini adalah kerana industri kita lebih tertumpu kepada subsektor yang berasaskan celupan lateks," katanya.

Usaha yang berterusan hendaklah diambil untuk mempelbagaikan industri pembuatan bagi menjadikannya lebih mantap lagi, katanya.

Nilai eksport pula telah meningkat daripada lebih kurang RM390 juta pada 1986 kepada RM4,000 juta pada tahun 1996, katanya.

Perdana Menteri juga berkata nilai eksport barangan berasaskan getah telah mengatasi nilai eksport getah mentah mulai 1992 kecuali pada 1995 semasa harga getah begitu tinggi.

"Ini menjadikan jumlah nilai eksport bagi industri getah sebanyak RM7,700 juta, tanpa mengambil kira sumbangan daripada perabot kayu getah sebanyak lebih kurang RM1,400 juta," kata beliau.

-- BERNAMA

DVS SIA NMO